

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.10.2016

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) apakah kriteria pemilihan dan perlantikan CEO MAS yang baru Peter Bellew yang merupakan rakyat asing warganegara Irish menggantikan Christoph R. Mueller yang juga rakyat asing; dan

(b) adakah Kerajaan mendapati tiada lagi rakyat pribumi Malaysia yang berkelayakan untuk menjawat jawatan CEO MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peter Bellew merupakan

Ketua Pegawai Operasi Malaysia Airlines Bhd (MAB) semasa pelaksanaan Pelan Pemulihan MAS (PPM) di bawah kepimpinan Christoph Mueller pada tahun 2014. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MAB yang baharu pada 1 Julai 2016 bagi memastikan kesinambungan usaha penyusunan semula syarikat penerbangan berkenaan di bawah PPM.

Antara kriteria utama yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah MAB bagi CEO baharu syarikat adalah kemampuan calon untuk meneruskan inisiatif di bawah PPM dengan jayanya, memiliki daya kepimpinan dan kemahiran komunikasi yang mantap, mempunyai pengalaman yang relevan merangkumi pelbagai fungsi syarikat penerbangan (contohnya bahagian operasi, komersial, kewangan, dan lain-lain) serta berpengalaman dalam penstrukturan semula syarikat penerbangan.

Dalam pemilihan CEO baharu MAB bagi menggantikan Christoph Mueller, satu pencarian peringkat domestik dan antarabangsa telah dijalankan untuk mengenal pasti calon-calon bersesuaian yang berpengetahuan luas dalam sektor penerbangan serta mempunyai pengalaman kukuh dalam penstrukturan semula

syarikat penerbangan. Bagaimanapun, buat masa ini tiada calon tempatan yang didapati mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian untuk dilantik sebagai CEO MAB.

Sungguhpun Peter Bellew adalah seorang warga negara asing, salah satu daripada sasaran yang ditetapkan kepada beliau adalah untuk melatih dan menyediakan pelapis dari kalangan warga tempatan untuk mengambil alih tampuk kepimpinan MAB pada masa hadapan.